

Bil. S 66

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGGAJAL 68)**

**ATURAN-ATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN)
(TEMPAT LETAK KERETA) (PINDAAN), 2005**

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

1. Gelaran.
 2. Pindaan aturan 18 dari S 128/72.
 3. Pindaan aturan 27.
 4. Pindaan Jadual.
-

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**ATURAN-ATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN)
(TEMPAT LETAK KERETA) (PINDAAN), 2005**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 92 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, dengan kebenaran Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

Gelaran.

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Lalulintas Jalan Raya (Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan) (Tempat Letak Kereta) (Pindaan), 2005.

Pindaan aturan 18 dari S 128/72.

2. Aturan 18 dari Aturan-Aturan Lalulintas Jalan Raya (Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan) (Tempat Letak Kereta), 1972, dalam Aturan-Aturan ini disebut sebagai Aturan-Aturan utama, adalah dipinda, dalam aturan kecil (1), dengan memasukkan "atau tempat letak kereta yang dikhaskan, tanpa pas pengecualian yang sah," seurus selepas "kereta" dalam baris kelima.

Pindaan aturan 27.

3. Aturan 27 dari Aturan-Aturan utama adalah dipinda dengan memotong "\$100.00" dari baris keempat dan menggantikannya dengan "\$500".

Pindaan Jadual.

4. Jadual kepada Aturan-Aturan utama adalah dipinda —

(a) dalam butiran 9, dengan memasukkan "atau tempat yang dikhaskan" seurus selepas "Mengikut kiraan setengah jam" pada ruang (3), dan "atau 'G'" seurus selepas "Lihat Catatan 'A'" pada ruang (4);

(b) dalam butiran 10, dengan memasukkan "atau tempat yang dikhaskan" seurus selepas "Mengikut kiraan setengah jam" pada ruang (3), dan "atau 'G'" seurus selepas "Lihat Catatan 'A'" pada ruang (4);

(c) dalam butiran 16, dengan memasukkan "atau tempat yang dikhaskan" seurus selepas "Mengikut kiraan setengah jam" pada ruang (3), dan "atau 'G'" seurus selepas "Lihat Catatan 'A'" pada ruang (4);

(d) dengan memasukkan sejurus selepas butiran 29 butiran-butiran yang berikut dalam ruang-ruang yang berkenaan sebagaimana yang ditunjukkan di bawah ini —

"30.	Kawasan letak kereta di Dermaga Kastam Bandar Seri Begawan	50 sen tiap-tiap setengah jam	Mengikut kiraan setengah jam	Lihat Catatan 'F'
31.	Kawasan letak kereta di Dewan Majlis di Jalan Kianggeh	50 sen tiap-tiap setengah jam	Mengikut kiraan setengah jam	Lihat Catatan 'F'
32.	Kawasan letak kereta di Jabatan Perkhidmatan Elektrik di Jalan Elizabeth II	50 sen tiap-tiap setengah jam	Mengikut kiraan setengah jam atau tempat yang dikhaskan	Lihat Catatan 'F' atau 'B'
33.	Kawasan letak kereta berhadapan bekas bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama di Jalan Elizabeth II	50 sen tiap-tiap setengah jam	Mengikut kiraan setengah jam atau tempat yang dikhaskan	Lihat Catatan 'F' atau 'B'
34.	Kawasan letak kereta di sebelah atas, luar bangunan Adat Istiadat Negara di Jalan Kianggeh	50 sen tiap-tiap setengah jam	Mengikut kiraan setengah jam	Lihat Catatan 'F'

(e) dengan menambah yang berikut —

"Catatan 'F' — Di antara jam 7.30 pagi dan 5.30 petang pada mana-mana hari selain hari Ahad dan mana-mana hari kelepasan awam.

Catatan 'G' — Tidak ada had masa."

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 19 haribulan November, 2005.

AWANG HAJI SAJI BIN HAJI MUDIN
Pengerusi,
Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.